


# BENGGKEL PEMBANGUNAN WEBSITE MICROCREDENTIAL PHY130

Disediakan oleh: Haslinda Abdul Hamid & Siti Azlina Rosli

Pada 2 September 2021, Jabatan Sains Gunaan telah menganjurkan bengkel membina website menggunakan platform Wix.com secara atas talian. Bengkel yang bermula jam 3 petang hingga 5 petang ini dikelola oleh ChM Marina Mokhtar menggunakan platform *Google Meet*. Peserta adalah terdiri daripada pembangun Microcredential (MC) kursus PHY130, iaitu Encik Sharaf Ahmad, Dr. Haslinda Abdul Hamid, Dr. Ainorkhilah Mahmood, Puan Noorezal Atfyinna Mohd Napiah dan Puan Siti Hajar Khalid.



Contoh *template* yang berjaya dihasilkan oleh pembangun MC menggunakan Wix.com.

Wix.com ialah suatu platform yang berasaskan *cloud* yang boleh digunakan untuk membangunkan website dengan mudah kerana pembangun MC hanya perlu menyiapkan idea untuk konsep website yang diinginkan. Di antara kelebihan membangunkan website menggunakan Wix.com ialah terdapat pelbagai *template* yang menarik mengikut kesesuaian kategori pembangun MC serta ciri-ciri seperti *drag and drop* maklumat atau gambar yang sangat mesra pengguna. Kelas ini dimulakan dengan penerangan tentang cara-cara membangunkan website menggunakan Wix.com. Untuk membangunkan website, pembangun MC perlu mendaftarkan akaun terlebih dahulu. Setelah akaun Wix.com didaftarkan, pembangun MC sudah boleh memilih dan memasukkan *template* yang dikehendaki berdasarkan isi kandungan dan seterusnya melakukan proses *drag and drop* gambar atau maklumat yang berkaitan. Video, teks dan audio juga boleh dimasukkan. Setelah kesemua proses tersebut selesai, website bagi pembangun MC telah sedia untuk diterbitkan dan dapat diakses oleh semua pelajar yang mengikuti kursus PHY130.

Kesimpulannya, kelas membina website menggunakan Wix.com sangat bermanfaat bukan sahaja kepada pembangun MC malah kepada sesiapa sahaja yang ingin menghasilkan website dengan cara yang mudah dan berkesan.